


BICARA KARYAWAN Bersama Othman Ismail

BAHASA PENJANA MINDA

Memartabatkan Bahasa Kebangsaan Tanggungjawab Bersama

Sejak lima puluh tahun yang lalu, banyak kemajuan yang dicapai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan kita, iaitu bahasa Melayu. Korpus linguistik bahasa Melayu telah berjaya diperkaya dalam tempoh yang singkat. Bahasa Melayu kini digunakan dengan meluas oleh rakyat berbilang kaum di negara ini, meskipun wujud persaingan daripada bahasa Inggeris. Keupayaan bahasa Melayu mengungkapkan ilmu yang tinggi sudah terbukti, melalui pembentukan ratusan ribu istilah pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat dan aeroangkasa, yang membolehkan DBP menerbitkan buku-buku ilmiah dalam pelbagai bidang.

Tugas besar dan berat yang perlu dipikul oleh DBP adalah untuk menyediakan prasarana pengurusan korpus ilmu yang hebat, agar kepustakaan ilmu dalam bahasa Melayu dapat mengisi keperluan budaya cipta sendiri yang amat diperlukan oleh sebuah negara maju dengan mengikut acuan kita sendiri. Dengan hanya berbekalkan semangat, kegigihan, kesedaran sahaja tentulah tidak mencukupi untuk mengangkat bahasa Melayu ke tingkat yang lebih tinggi. Kekuatan dan keupayaan sesuatu bahasa sebenarnya terletak kepada sejauh

mana bahasa itu dapat memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai.

Bahasa bukan hanya sekadar memberikan identiti kepada budaya para penuturnya, sebaliknya bahasa adalah juga acuan yang di dalamnya terkandung konsep, nilai dan idea yang diwarisi oleh bangsanya. Bahasa Melayu telah memainkan peranannya dalam membangunkan negara ini. Kejayaan ekonomi Malaysia adalah antara yang tertinggi dalam kalangan negara membangun. Semua ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa adanya kestabilan negara yang berterusan sejak kita merdeka. Keadaan ini sebenarnya ialah hasil peranan yang dimainkan oleh bahasa Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara ini, sama ada yang digerakkan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta.

Kejayaan ini juga merupakan hasil usaha kita memupuk budaya berbahasa yang sesuai untuk memungkinkan negara ini berkembang dengan hebat. Jentera pentadbiran adalah contoh yang paling baik untuk menunjukkan kehebatan bahasa Melayu dan ini disusuli dengan sektor pendidikan yang terus meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utamanya.

Oleh itu, kita perlu terus menyokong usaha untuk menjadikan bahasa kebangsaan kita sebagai bahasa komunikasi dan

bahasa ilmu dalam arus globalisasi ini. Dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini, khususnya kepada masyarakat luar bandar, sudah tentu bahasa yang digunakan mestilah bahasa yang difahami ramai. Ini penting kerana dalam usaha memajukan negara, kita tidak boleh meminggirkan majoriti rakyat yang tinggal di luar bandar. Jika kita tidak menaruh keyakinan terhadap kemampuan bahasa kebangsaan menjadi bahasa kehidupan sehari-hari, sudah tentu bukan sahaja perkembangan bahasa, bahkan pertumbuhan ekonomi juga akan turut terencat.

Sesungguhnya, bahasa menunjukkan bangsa. Oleh itu, tanggungjawab memartabatkan bahasa kebangsaan harus dipikul bersama-sama oleh setiap rakyat yang mengaku sebagai warganegara Malaysia. Bagi menjamin kelangsungan sesuatu bangsa, yang perlu diperbetul dan dijaga ialah sikap dan pendirian kita sebagai sebuah bangsa yang merdeka. Hanya bangsa yang berjiwa merdeka akan dapat menangkis segala bentuk penjajahan baharu dalam era globalisasi yang sungguh mencabar ini.

(Penulis ialah Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, DBP)

TAHUKAH ANDA?

Mabbim

Mabbim ialah sebuah badan kebahasaan serantau yang dianggotai oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam (JKTBMBD), Panitia Kerja Sama Kebahasaan, Indonesia (Pakersa), dan Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) Malaysia. Asalnya badan ini dinamai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM), yang ditubuhkan pada 29 Disember 1972, setelah satu Pernyataan Bersama ditandatangani oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Bapak Mashuri Saleh S.H. pada 23 Mei 1972 di Jakarta. MBIM berkembang menjadi Mabbim apabila negara Brunei Darussalam menganggotai Majlis ini pada 4 November 1985. Wadah kerjasama kebahasaan ini mempunyai misi untuk membina dan mengembangkan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu/Indonesia di ketiga-tiga buah negara anggota sebagai bahasa peradaban tinggi, bahasa ilmu, bahasa sains, bahasa teknologi moden, bahasa perusahaan, dan bahasa ekonomi.

Setelah tertubuhnya Mabbim pada 1985, sidang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Sidang Majlis dan Sidang Pakar. Sebanyak 7 bidang ilmu yang dibincangkan ialah Istilah Undang-undang Antarabangsa, Istilah Teknologi Maklumat (E-Pembelajaran dan E-Kesihatan), Istilah Aids, Istilah Percukaian, Istilah Agama Islam (Hadis), Istilah Pergigian (Patalogi Mulut, Perubatan Mulut dan Perubatan Masyarakat) serta Istilah Kejururawatan (Kejururawatan Komuniti).

Antara tokoh penting JKTBM ialah Y. Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar, Y. Bhg. Dato' Hassan Ahmad, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Prof. Madya Dr. Haji Amat Juhari Moain dan Dr. Haji Farid M. Onn.

Oleh Fatimah Zahrin Mohd Taib dan Fauzilahyaton Mustafa

PEDOMAN PENTERJEMAHAN Bersama Sa'odah Abdullah

Penterjemahan Frasa Bahasa Inggeris 'back'

Kami pernah ditanya oleh pembaca tentang kamus khusus terjemahan frasa. Kamus dwibahasa sedemikian tidak banyak di pasaran kerana sering kali frasa berkaitan rapat dengan kata dasarnya dan frasa yang mengandung sesuatu kata tertentu itu ada kalanya merupakan frasa yang lazim (common phrases) dan ada yang tidak. Seperti

yang kita maklum, frasa yang tidak merupakan frasa lazim mempunyai maksud yang berkait rapat dengan konteks dan situasi, dan perlu dirujuk pada kamus biasa dengan merujuk kata dasar dan contoh-contoh ayat dan frasa yang diberikan. Berikut ialah contoh terjemahan frasa berdasarkan kata dasar 'back'.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Contoh Penggunaannya
<i>back and forth</i>	i) mundar-mandir, ke sana sini ii) berulang-alik	BI: The young man was pacing back and forth outside the hospital surgery room. BM: Anak muda itu berjalanan mundar-mandir di luar bilik bedah hospital. BI: Every day he travelled back and forth between Seremban and Kuala Lumpur. BM: Dia berulang-alik antara Seremban dengan Kuala Lumpur setiap hari.
<i>back down</i>	mengalah, berundur	BI: When the radicals met with stiff opposition, they began to back down . BM: Apabila pihak radikal menghadapi tentangan yang hebat, mereka mula mengalah .
<i>back to back</i>	i) belakang-membelakangi; ii) berturut-turut	BI: They sat back to back . BM: Mereka duduk belakang-membelakang antara satu sama lain. BI: I have four lectures back to back everyday of the week. BM: Saya mempunyai empat kuliah berturut-turut setiap hari dalam seminggu.
<i>back out</i>	i) mengundur keluar ii) menarik diri	BI: Mariam started the car and backed out of the garage. BM: Mariam menghidupkan enjin kereta dan mengundur keluar dari garaj. BI: The buyer backed out before the papers were signed. BM: Pembeli itu menarik diri sebelum menandatangani kontrak.

<i>back to front</i>	terbalik	BI: He had his shirt on back to front . BM: Dia memakai baju terbalik .
<i>back up</i>	menyokong	BI: His confidence grew as more people backed him up . BM: Dia semakin yakin, apabila ramai yang menyokongnya .
<i>back away</i>	berundur	BI: They backed away on hearing the police sirens. BM: Mereka berundur apabila mendengar siren kereta polis.
<i>back into</i>	terlanggar (sewaktu berundur/mengundur)	BI: She backed into the lamp-post while trying to park her car. BM: Dia terlanggar tiang lampu semasa hendak meletak keretanya.
<i>back in circulation</i>	boleh diperoleh kembali dalam pasaran	BI: I've heard that the book which was once banned is back in circulation . BM: Saya mendapat tahu bahawa buku yang diharamkan pada suatu ketika dahulu, kini boleh diperoleh kembali dalam pasaran .
<i>hold back</i>	menahan, membendung	BI: She could not hold back her tears any longer. BM: Dia tidak dapat lagi menahan air matanya.
<i>lie back</i>	bersandar	BI: He lay back and close his eyes. BM: Dia bersandar sambil memejamkan matanya.
<i>look back</i>	i) menoleh ke belakang ii) mengenang kembali, mengingat kembali (masa silam)	BI: Maria looked back to see who was following her. BM: Maria menoleh ke belakang untuk melihat siapa yang mengekorinya. BI: Looking back , he realised how happy they were then. BM: Apabila mengenang kembali masa silamnya, dia menyedari betapa bahagianya mereka pada masa itu.

PERIBAHASA

Sambil Menyelim Minum Air

Peribahasa ini menggambarkan perbuatan melakukan pekerjaan secara serentak dengan mencapai dua atau tiga matlamat sekali gus. Antara peribahasa lain yang mempunyai pengertian yang sama ialah berkayuh sambil bertimba; berkayuh sambil ke hilir; sekali membuka pura (dompet), dua tiga hutang terbayar; dan sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampau. Makna yang sama juga terdapat dalam peribahasa Inggeris, iaitu *killing two birds with one stone*.

Oleh Raja Masittah Raja Ariffin

KATA DIALEK

Lau dan Gok

Lau ialah kata dialek Perak yang bermaksud reban layam atau reban itik. Contoh penggunaannya: "Hawak baru ni mampuih habeh ayam satu lau" (penyakit hawar baru-baru ini menyebabkan habis mati ayam sereban). Dalam dialek Kelantan pula reban disebut sebagai **gok**. Contoh penggunaannya: "Pete-pete gak, aye itek ambo masok gok slalu" (petang-petang, ayam itik saya terus masuk reban).

Oleh Shariffulizan Malek